



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR HALIA NEGERI SELANGOR 2025**

**25 JUN 2025 | RABU
8.00 MALAM**

**KSL ESPLANDED HOTEL
KLANG, SELANGOR**

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Seminar Halia Negeri Selangor 2025** yang bertemakan, *“The Future of The Golden Industry”*.
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Pertanian Negeri Selangor atas inisiatif menganjurkan seminar yang amat signifikan ini. Pemilihan tema *“The Future of The Golden Industry”* adalah bertepatan kerana menggambarkan potensi besar dan nilai strategik halia sebagai komoditi bernilai tinggi negara. Halia bukan sahaja penting dalam masakan harian, malah memainkan peranan dalam sektor perubatan tradisional, kosmetik, farmaseutikal dan pemprosesan makanan. Tema ini mencerminkan hasrat bersama untuk membangunkan industri halia secara lebih moden, mampan dan berdaya saing melalui penggunaan teknologi, pembangunan usahawan serta pengukuhan rantai nilai di peringkat tempatan dan antarabangsa.
3. Saya turut menzahirkan penghargaan kepada semua pegawai Jabatan Pertanian, agensi berkaitan, usahawan tani dan para petani halia yang terus menunjukkan dedikasi tinggi dalam memajukan industri halia ke arah yang lebih mampan dan berdaya saing. Usaha dan sumbangan anda semua amat besar ertinya kepada pembangunan sektor agromakanan negara

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Industri halia di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang positif. Selain menjadi bahan asas dalam masakan harian, halia juga digunakan secara meluas dalam perubatan tradisional, kosmetik, farmaseutikal serta pemprosesan makanan. Negeri-negeri seperti Pahang, Kelantan, Sabah dan Selangor merupakan antara penyumbang utama kepada pengeluaran halia negara, manakala permintaan domestik kekal stabil dan terus meningkat dari tahun ke tahun.
5. Berdasarkan data pengeluaran tahun 2023, kadar tahap sara diri (SSR) bagi halia adalah sekitar 15%. Ini bermaksud lebih 85% keperluan halia negara masih bergantung kepada import, terutamanya dari Thailand dan China. Kebergantungan ini membuka ruang besar untuk meningkatkan pengeluaran tempatan melalui peluasan kawasan tanaman, penggunaan teknologi moden serta pengukuhan ekosistem industri daripada aspek input, latihan dan pasaran.
6. Namun begitu, industri halia turut berdepan pelbagai cabaran. Antaranya ialah peningkatan kos input seperti baja, racun perosak dan bahan tanaman, serangan penyakit seperti reput rizom, *Fusarium* dan nematod, serta kekurangan tenaga kerja, kebergantungan kepada benih import serta kesukaran mendapatkan tanah yang sesuai bagi pengeluaran secara komersial.
7. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan beberapa strategi, termasuk pelaksanaan Program Pembangunan Halia yang merangkumi penyediaan input pertanian, latihan teknikal serta pemerkasaan penggunaan

teknologi di peringkat lapangan. Bagi tahun 2025, Negeri Selangor telah menerima peruntukan sebanyak RM700,000 bagi mempergiatkan pengeluaran halia tempatan.

8. Pendekatan berasaskan teknologi moden seperti sistem fertigasi, teknologi penanaman lestari dan pengamalan Amalan Pertanian Baik melalui pensijilan myGAP juga terus diperkukuh bagi memastikan kualiti serta kelestarian pengeluaran halia negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Kementerian juga memberi penekanan kepada pembangunan usahawan tani, khususnya dalam kalangan belia. Melalui Program Agropreneur Muda, pelbagai peluang disediakan kepada generasi muda untuk melibatkan diri dalam industri halia secara terancang dan berstruktur.
10. Seiring dengan aspirasi KPKM untuk memperkukuh rantai nilai agromakanan, industri halia perlu dilihat secara menyeluruh — bukan sahaja pada peringkat penanaman, tetapi juga merangkumi sektor pemprosesan hiliran. Produk seperti halia jeruk, serbuk halia, minuman berasaskan herba dan produk farmaseutikal berasaskan halia mempunyai potensi besar di pasaran tempatan dan antarabangsa. Nilai tambah melalui pemprosesan ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan pengusaha, malah memperluas peluang pasaran dan menjana ekonomi setempat.

11. Akhir kata, saya berharap seminar ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua peserta sebagai platform untuk bertukar pandangan, memperluas jaringan kerjasama dan menyemarakkan inovasi dalam industri halia. Marilah kita berganding bahu menjadikan industri ini sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan sektor pertanian negara yang mampan, lestari dan berdaya saing di peringkat global.
12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Halia Negeri Selangor 2025.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b.t.